

MRT rangsang sektor pembinaan negara

PELAKSANAAN projek My Rapid Transit (MRT) Lembah Klang dianggarkan bakal membebankan kesan gandaan sebanyak 2.5 kali, atau kira-kira RM213 bilion kepada ekonomi negara sehingga 2020.

Ini berdasarkan kesan kemasukan tunai ke dalam ekonomi hasil daripada pembinaan tiga aliran MRT, stesen serta stok pusingan.

Berikutan itu, pemilik dan pengendali projek itu, MRT Corporation (MRT Corp) yakin pakej kerja pembinaan aliran Sungai Buloh ke Kajang itu akan menyediakan rangsangan pendapatan kepada sektor pembinaan negara tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata masih terdapat kira-kira 80 pakej kerja yang masih terbuka kepada tender daripada 90 secara keseluruhannya.

“Projek MRT kini sudah bergerak daripada perancangan kepada peringkat pelaksanaan, justeru sektor pembinaan akan meraih manfaat daripada pelbagai peluang disediakan dalam bidang kerja atas tanah, mekanikal dan elektrik, sistem teknologi maklumat, jambatan, stesen dan banyak lagi,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sasaran MRT



MRT Corp meminta semua kontraktor yang layak, khususnya kontraktor Bumiputera mengambil bahagian dalam proses tender terbuka dan telus ini supaya membida untuk pakej kerja yang ditawarkan

Azhar Abdul Hamid
Ketua Eksekutif MRT Corp

Corp adalah untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap jumlah kerja pembinaan yang disediakan projek MRT serta berhubung dengan kontraktor dengan cara terbaik untuk berkongsi perkembangan kerja projek terbabit.

“Ingin ditegaskan bahawa MRT Corp meminta semua kontraktor yang layak, khususnya kontraktor Bumiputera mengambil bahagian dalam proses tender terbuka dan telus ini supaya membida untuk pakej kerja yang ditawarkan,” katanya.

Tegasnya, dengan mengumum-



kan jadual tender serta pemberian kontrak pelbagai pakej, MRT Corp percaya ia akan menghapuskan sebarang persepsi bahawa proses itu dilaksanakan secara rahsia.

“Jangan katakan bahawa kami tidak memberitahu dan menyediakan maklumat untuk manfaat kontraktor, khususnya syarikat Bumiputera. Adalah menjadi hasrat kami supaya semua pakej tertakluk kepada bidaan berdaya saing.

“Semua pembida akan diberikan maklumat projek yang sama dan akan dinilai pada asas serupa dari segi syarat teknikal, trek rekod ser-

ta kewangan,” katanya.

Sebelum ini kerajaan mengumumkan bahawa 43 peratus daripada nilai kerja pembinaan untuk projek MRT akan diperuntukkan secara merit kepada kontraktor Bumiputera.

Antara pakej kerja diperuntukkan khusus untuk kontraktor Bumiputera termasuk pakej pembinaan jambatan dari stesen Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra, kerja pembinaan kemudahan teknologi maklumat, perabot pejabat dan papan tanda.

Kontraktor Bumiputera juga boleh membida pakej untuk kerja mekanikal dan elektrik seperti perlindungan kebakaran bertingkat dan pemasangan pencahayaan diod pemancar cahaya (LED) bertingkat.

Azhar berkata, MRT Corp menggalakkan semua kontraktor untuk berusaha dan menyediakan bidaan masing-masing mengikut tempohnya.

Hampir keseluruhan kontrak projek MRT dijadual diberikan oleh MRT Corp kepada kontraktor yang layak tahun ini, kecuali beberapa kontrak membabitkan kerja mekanikal dan elektrik yang dijadual diberikan selewat-lewatnya pada suku ketiga tahun depan.